

HARI DIGITAL HONG LEONG 2021: Kempen Pandu Pulang Proton SUV dengan HLISB

Dikemaskini pada 1 Julai 2021

TEMPOH KEMPEN

“HARI DIGITAL HONG LEONG 2021: Kempen Pandu Pulang Proton SUV dengan HLB” (“Kempen”) Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“HLISB”) bermula pada **7 Julai 2021** dan berakhir pada **31 Julai 2021**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&Cs”):

KELAYAKAN

- Akaun/akaun-i individusertaan bagi Kempen ini adalah seperti berikut (“**Akaun-i Sertaan**”):
 - Akaun Semasa Asas-i Hong Leong-i;
 - Akaun Semasa-i Hong Leong;
 - Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
 - Akaun One Semasa-i Hong Leong;
 - Akaun Semasa Asas-i Hong Leong;
 - Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - Akaun Simpanan Multi-tier-i Hong Leong;
 - Akaun Simpanan Asas Gaji-i Hong Leong;
 - Akaun Simpanan Gaji-i Hong Leong; dan/atau
 - Akaun Pay&Save Gaji-i Hong Leong.
- Kempen ini terbuka kepada pemegang akaun sedia ada dan/atau baharu Bank, baik warga Malaysia mahupun bukan warga Malaysia, termasuk Pelanggan Perbankan Prioriti & Perbankan Persendirian Hong Leong (“**Pelanggan Layak**”).

Bagi mengelakkan keraguan:

- Pemegang akaun baharu bermaksud pemegang akaun utama individu yang tidak mempunyai sebarang Akaun Sertaan-i sebelum Tempoh Kempen dan telah membuka Akaun Sertaan-i semasa Tempoh Kempen.
 - Pemegang akaun sedia ada bermaksud pemegang akaun utama individu yang telah membuka Akaun Sertaan-i sebelum Tempoh Kempen.
- Golongan pelanggan berikut **TIDAK** layak menyertai Kempen:
 - Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di dalam ini; dan/atau
 - Kakitangan Deposit PFS HLB dan kakitangan Deposit-i HLISB.
 - Semua deposit di bawah Kempen ini mestilah “**Dana Baharu**” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “**Dana Baharu**” ditakrif sebagai:
 - Wang tunai, pindahan antara bank yang termasuk IBG, Pindahan Segera dan DuitNow, dana baharu yang diterima menerusi pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan-i; dan
 - Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Kempen yang didepositkan semula ke dalam AkaunSertaan/Akaun Sertaan-i.
 - Yang berikut **TIDAK** dianggap “**Dana Baharu**”:
 - Deposit Tetap atau Deposit Tetap-i (“**FD/FD-i**”) yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
 - Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan-i yang lain, FD/FD-i, Akaun Pelaburan Bertempoh-i atau Akaun Pelaburan Am (“**GIA**”); dan

- (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

KAEDAH KEMPEN

6. Pelanggan Layak **MESTI** memenuhi Kriteria 1 dan/atau Kriteria 2 seperti berikut:

Kriteria 1

- Membuka Akaun Sertaaan-i yang baharu dalam Tempoh Kempen;
- Memasukkan deposit permulaan minimum **Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200)** ke dalam akaun baharu itu; dan
- Mengekalkan deposit permulaan minimum itu dalam akaun baharu tersebut sepanjang Tempoh Kempen.

Bagi mengelakkan keraguan, Akaun Sertaaan baharu boleh dibuka menerusi apa-apa saluran termasuk:

- Mana-mana cawangan HLB/HLISB iaitu premis rasmi Bank bagi pembukaan akaun onsite;
- Pengurus Urusan Deposit iaitu pegawai bank rasmi Bank bagi pembukaan akaun offsite;
- Apply@HLB iaitu aplikasi mudah alih buka akaun Bank yang boleh diakses melalui peranti mudah alih; atau
- Connect Internet Banking iaitu kemudahan dan/atau perkhidmatan perbankan internet/elektronik Bank menerusi internet dengan perantaraan elektronik dan menggunakan komputer peribadi atau peranti elektronik yang lain.

Kriteria 2

- Masukkan deposit ke dalam Akaun Sertaaan-i menerusi pindahan dana dalam talian;
- Log masuk Connect Internet Banking dan klik pada banner Kempen;
- Ikut arahan langkah demi langkah dan masukkan jumlah RM1,000 atau RM5,000 ("**Amaun Terkunci**") menurut Kempen ke dalam Akaun Sertaaan-i semasa Tempoh Kempen. Deposit Amaun Terkunci Berjaya akan dipaparkan sebagai "Amaun Layak" dalam Connect Internet Banking; dan
- Kekalkan Amaun Terkunci itu dalam Akaun Sertaaan-i selama empat (4) bulan bermula dari tarikh deposit Amaun Terkunci masing-masing ("**Tempoh Terkunci**").

7. Setiap Akaun Sertaaan-i yang memenuhi Kriteria yang dinyatakan di atas akan memperoleh penyertaan ("**Penyertaan Kelayakan**") untuk menyertai Kempen seperti bertikut:

Jadual 1

Kriteria 1	Penyertaan Diperoleh
Membuka Akaun Sertaaan-i yang baharu	1 penyertaan
Kriteria 2	Penyertaan Diperoleh
(a) Deposit baharu RM5,000 semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan bagi Hadiah Utama
(b) Deposit baharu RM1,000 semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan bagi Hadiah Pertama

- Tidak perlu borang penyertaan atau pendaftaran penyertaan untuk menyertai Kempen. Bank akan menjejaki Pelanggan Layak secara automatik pada penghujung Tempoh Kempen.
- Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan atau kelewatan hantaran dan/atau paparan hantaran deposit berkenaan dalam Akaun Sertaaan-i Pelanggan Layak sehingga menyebabkan Pelanggan Layak tertinggal atau terlepas memperoleh penyertaan bagi Kempen.
- Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria dalam Fasal 6 akan berpeluang memenangi hadiah berikut ("**Hadiah**"):

Hadiah Kempen	Perihal Hadiah	Nilai	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Proton X70 1.8TGD i 2WD Executive (Metallic Ruby Red)	RM98,790.30	1

Hadiah Pertama	Proton X50 1.5T Executive (Metallic Ocean Blue)	RM84,480.00	1
----------------	--	-------------	---

11. Setiap Pelanggan Layak akan berpeluang memenangi satu (1) Hadiah sahaja.
12. Hadiah tidak termasuk fi pendaftaran, insurans/takaful dan cukai-cukai yang berkaitan dengan pemerolehan Hadiah itu. Setakat dibenarkan undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab atas segala liabiliti yang terbit daripada penundaan atau kelewatan menyediakan Hadiah atau perubahan kepada perincian Hadiah atau apa-apa keadaan luar jangkaan di luar kawalan munasabah Bank dan atas kemungkinan mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga Hadiah itu.
13. Hadiah akan disediakan atas dasar “Sebagaimana Ada”. Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau Laman Web Bank adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan bukanlah sebahagian daripada Hadiah itu.
14. Bank sama sekali tidak akan dipertanggungjawabkan atas kehilangan, kerosakan atau kecurian Hadiah dan permintaan untuk gantian Hadiah tidak akan dliayani Bank. Bank tidak membuat representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab bagi mengganti Hadiah yang hilang, rosak atau dicuri (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat dalam waranti atau sebaliknya). Pelanggan Layak hendaklah berurus secara langsung dengan pihak pengusaha dan/atau syarikat pembuat berkenaan bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan Bank.
15. Sekiranya Amaun Terkunci itu dikeluarkan (sama ada sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Terkunci atas apa jua sebab sekalipun, Bank berhak sepenuhnya untuk membatalkan penyertaan yang diperolehi daripada Sertaan Akaun/Akaun Sertaan-i berkenaan pada tarikh Amaun Terkunci dikeluarkan oleh Pelanggan.

PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN HADIAH

16. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:

Langkah 1

- (a) Semua Penyertaan Kelayakan yang memenuhi **Kriteria 1** akan diuntukkan suatu nombor bersiri secara rambang dan disimpan mengikut susunan kronologi. Semua Penyertaan Kelayakan yang mempunyai nombor genap dengan susunan kronologi akan diletak dalam kelompok pemilihan Hadiah Utama. Semua Penyertaan Kelayakan yang mempunyai nombor ganjil dengan susunan kronologi akan diletak dalam kelompok pemilihan Hadiah Pertama.
- (b) Semua Penyertaan Kelayakan yang memenuhi **Kriteria 2 (a) dalam Jadual 1** akan diletak dalam kelompok pemilihan Hadiah Utama.
- (c) Semua Penyertaan Kelayakan yang memenuhi **Kriteria 2 (b) dalam Jadual 1** akan diletak dalam kelompok pemilihan Hadiah Pertama.

Langkah 2

- (d) Semua Penyertaan Kelayakan dalam kelompok pemilihan Hadiah Utama akan diuntukkan nombor bersiri rambang yang baharu dan nombor bersiri akan disusun mengikut kronologi. Jumlah nombor bersiri penyertaan akan dibahagi dengan 7 untuk memilih bakal pemenang Hadiah Utama (“**Pemenang Tersenarai Hadiah Utama**”). Nombor bersiri selepas pembahagian bukanlah nombor bulat, nombor bersiri itu akan dikecilkan kepada nombor bulat yang terhampir. Sebagai contoh, jika terdapat sejumlah 37,000 nombor bersiri, jumlah nombor bersiri itu akan dibahagikan dengan 7 dan dikecilkan kepada nombor bulat yang terhampir. Jadi Pemenang Tersenarai Hadiah Utama akan mempunyai nombor bersiri 5,285.
- (e) Semua Penyertaan Kelayakan dalam kelompok pemilihan Hadiah Pertama akan diuntukkan nombor bersiri rambang yang baharu dan nombor bersiri itu akan disusun mengikut kronologi. Jumlah nombor bersiri penyertaan akan dibahagikan dengan 7 untuk memilih bakal pemenang Hadiah Pertama (“**Pemenang Tersenarai Hadiah Pertama**”). Semua nombor bersiri yang dipilih selepas pembahagian akan dikecilkan kepada nombor bulat yang terhampir. Sebagai contoh, jika terdapat sejumlah 27,000 nombor bersiri, jumlah nombor bersiri akan dibahagikan dengan 7 dan dikecilkan kepada nombor bulat yang terhampir. Jadi Pemenang Tersenarai Hadiah Pertama akan mempunyai nombor bersiri 3,857.
- (f) Sekiranya Pemenang Tersenarai Hadiah Pertama adalah juga Pemenang Tersenarai Hadiah Utama, maka pelanggan dengan Penyertaan Kelayakan berikutnya akan dipilih sebagai Pemenang Tersenarai Hadiah

Pertama. Sebagai contoh, jika pelanggan dengan Penyertaan Kelayakan yang ke-3,857 adalah Pemenang Tersenarai Hadiah Utama dan yang juga Pemenang Tersenarai Hadiah Pertama, maka Penyertaan Kelayakan yang ke-3,857 itu akan dibatalkan dan pelanggan dengan Penyertaan Kelayakan yang ke-3,858 akan diganti sebagai Pemenang Tersenarai Hadiah Pertama.

Langkah 3

- (g) Para Pemenang Tersenarai akan dihubungi oleh Bank atau pengurus Kempen lantikannya, ShopperPlus Sdn. Bhd. 201401023155 (1099242-W) ("**ShopperPlus**") melalui panggilan telefon antara pukul 9:00 pagi dan 5:00 petang, dan akan diberi soalan berkaitan Bank. Para Pemenang Tersenarai dikehendaki menjawab soalan itu dengan betul.
 - (h) Para Pemenang Tersenarai yang dapat memberi jawapan yang betul akan layak menerima Hadiah mereka ("**Pemenang**").
 - (i) Sekiranya percubaan pertama memanggil para Pemenang Tersenarai itu tidak berjaya atas apa jua sebab sekalipun, dua (2) lagi percubaan akan dibuat dalam masa dua (2) jam selepas panggilan pertama tadi kepada Para Pemenang Tersenarai. Seandainya percubaan-percubaan ini juga tidak berjaya, HLB berhak memilih seorang lagi Pemenang Tersenarai dengan nombor bersiri berikutnya, contoh jika Pemenang Tersenarai dengan nombor bersiri 5,285 tidak dapat dihubungi, maka pelanggan dengan nombor bersiri 5,286 akan dipilih sebagai Pemenang Tersenarai dan seterusnya dihubungi.
17. Pengumuman para Pemenang (dengan Nama dan nombor MyKad/pasport terlindung ("**ID**") akan dilakukan dalam laman web Bank di www.hlb.com.my/winSUV selewat-lewatnya 15 Januari 2022 ("**Pengumuman Pemenang**").
 18. Bank akan mengeluarkan surat pemberitahuan ("**Pemberitahuan Pemenang**") kepada para Pemenang dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh Pengumuman Pemenang lengkap dengan butiran tentang pengambilan Hadiah. Hadiah hanya boleh diambil daripada cawangan lantikan Bank di dalam Malaysia.
 19. Para Pemenang mesti mengambil Hadiah dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tarikh Pengumuman Pemenang, jika tidak, Hadiah akan dilupuskan.

UMUM

20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju:
 - (a) telah membaca, memahami dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini dan Terma dan Syarat Am dan Terma dan Syarat Tawarruq CASA-i ("**T&Cs CASA-i**");
 - (b) keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak;
 - (c) mengakses laman web HLB di www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Kempen dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
 - (d) Hadiah yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan;
 - (e) memberi persetujuan dan membenarkan Bank menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan butiran peribadi mereka (iaitu nama dan nombor pengenalan yang terlindung) bagi tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media;
 - (f) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan butiran peribadi mereka (iaitu nama, nombor pengenalan terlindung, alamat emel dan/atau nombor telefon) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor Bank, ShopperPlus, bagi tujuan Kempen ini;
 - (g) memberi butir-butir perhubungan mereka yang terkini dan tepat, iaitu nombor telefon bimbit dan alamat kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab/dipertanggungjawabkan sekiranya Bank tidak dapat menghubungi para Pemenang Tersenarai dan/atau menyampaikan Pemberitahuan Pemenang, jika berkenaan, kerana nombor telefon bimbit dan/atau alamat yang diberi oleh Pelanggan Layak itu tidak tepat/tidak sah ataupun SMS tidak dapat disampaikan atas apa jua sebab sekalipun; dan
 - (h) dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan ke atas mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen.

21. Bank berhak:
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs terkandung di dalam ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank setelah memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen dan/atau layak menerima Hadiah; dan
 - (c) menarik balik pemberian dana sekiranya dapat dikesan berlakunya penipuan, pelanggaran T&C Kempen atau akaun yang tidak aktif.
22. T&Cs di dalam ini dan T&Cs CASA-ihendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan T&Cs CASA-i, maka T&Cs tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
23. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
24. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.

Akaun Sertaan-i adalah akaun deposit berdasarkan prinsip Syariah, Tawarruq.

Produk Deposit-i dilindungi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM_ setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.